

Headline	Skuad memanah Sabah sasar dua emas di Sukma Perlis		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	02 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	29,826	Readership	97,836
Section	Sukan	Color	Full Color
Page No	12	ArticleSize	259 cm ²
AdValue	RM 1,334	PR Value	RM 4,002



Skuad memanah Sabah sasar dua emas di Sukma Perlis

Gordon Chin

KOTA KINABALU: Atlet-atlet memanah Sabah sangat serius untuk mengejar pingat emas di Sukan Malaysia (Sukma) Perlis 2014, sekarang ini menyasarkan dua, dengan membuat tinjauan ke venue acara di Perlis walaupun sibuk dengan persediaan latihan.

Selain persediaan ke temasya kebangsaan itu, atlet Sabah di bawah kendalian Ketua Jurulatih Paul Leong akan mengambil bahagian dalam dua kejohanan kebangsaan dan antarabangsa selepas ke Perlis pada 12 April.

"Kami akan membawa pemanah kami ke venue sebenar Memanah Sukma pada 12 April dan merancang untuk mengadakan latihan di sana selama dua atau tiga hari kerana kami dengar angin agak kencang di sana.

"Ia akan memberikan manfaat kepada atlet sebelum kami mengambil bahagian dalam dua kejohanan nanti agar mereka tahu apa yang perlu disediakan dan bahagian mana yang perlu digilap," kata Leong apabila ditemui di lapangan memanah pada Selasa.

Pada 16-20 April, pemanah-pemanah akan ke Kedah untuk menyertai Kejohanan Memanah Ulangtahun ke-30 Universiti Utara Malaysia (UUM) 2014, sebelum ke Selangor untuk Kejohanan Memanah Antarabangsa Universiti Putra Malaysia (UPM) 2014.

Sekembali dari UPM, pemanah-pemanah akan menjalani latihan pusat sepenuhnya di Lapangan Memanah di Likas di antara satu hingga dua minggu sebelum ke Perlis di mana acara memanah akan bermula pada 28 Mei.

Menurut Leong, Sukma tahun ini bakal menyaksikan kali terakhir menampilkan acara Memanah Full Fita di mana pemanah lelaki akan

bertanding di lapangan 90m, 70m, 50m dan 30m manakala pemanah wanita pada lapangan 70m, 60m, 50m and 30m.

"Selepas Perlis, Sukma akan menggunakan format baharu dan lebih pendek dalam kejohanan di mana pemanah recurve akan memanah pada jarak 70m dan compound pada 50m tetapi menggunakan permukaan sasaran lebih kecil," tambah Leong.

Sekarang ini, Leong berpendapat pemanah sudah berada pada tahap terbaik untuk menghadapi kejohanan kebangsaan itu namun masih perlu meninjau venue sebenar selain menyertai dua kejohanan sebelum Sukma.

"Satu-satunya kebimbangan yang ada ialah untuk mengekalkan tahap dan menjaga kesihatan mereka.

"Kami pernah mengalami nasib malang apabila atlet yang sudah berada pada tahap terbaik jatuh sakit setiba di venue acara, dan inilah yang kami cuba elak.

"Harapan saya agar atlet mampu menyesuaikan diri dan tahu apa yang diharapkan, berkenaan cuaca dan kesihatan, daripada tinjauan ini dan harap-harap kami berjaya membawa pulang lebih dari dua butir pingat emas," kata Leong.

Acara memanah akan bermula pada 28 Mei hingga 3 Jun di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Pauh, Perlis, manakala keseluruhan kejohanan akan bermula 24 Mei hingga 4 Jun.

Headline	Skuad memanah Sabah sasar dua emas di Sukma Perlis		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	02 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	29,826	Readership	97,836
Section	Sukan	Color	Full Color
Page No	12	ArticleSize	259 cm ²
AdValue	RM 1,334	PR Value	RM 4,002

